

Perdana Menteri dianggap negarawan berjasa

BALING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini dianggap sebagai negarawan yang sudah mencatat beberapa perubahan yang kini menjadi tonggak sejarah Malaysia.

Setiausaha Umno bahagian Baling, Haji Ramli Wanok, berkata antara perubahan bersejarah yang sudah dilaksanakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ialah pembinaan Jambatan Pulau Pinang, perancangan projek kereta nasional Proton Saga, penubuhan Bank Islam dan pembinaan rumah Umno.

Haji Ramli berkata, seorang yang berjaya melaksanakan pelbagai perubahan besar hingga menjadi sejarah bangsa dan negara dalam tempoh yang singkat, adalah pemimpin yang sudah teruji dan terbukti kepeimpinannya.

Katanya, kepemimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir itu tidak syak lagi masih diperlukan oleh negara, agama dan bangsa.

Mengenai pelbagai kempen memburukkan Perdana Menteri yang dijalankan oleh kalangan tertentu, Haji Ramli, berkata: "Perbuatan itu akan merugikan Umno.

"Kita tidak mahu akibat perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu, ahli-ahli Umno hanya akan menang sorak tetapi kampung tergadai," katanya.

Haji Ramli berkata, pelbagai tohmah terhadap Perdana Menteri dan kepeimpinannya sekarang tidak langsung memberi manfaat kepada ahli-ahli Umno.

Menurutnya, Umno bahagian Baling sudah menyatakan pendirian mengenai sokongan penuh kepada Datuk Seri Dr. Mahathir.

"Kita juga turut menyokong Encik Ghafar Baba kerana kepeimpinannya yang sentiasa mementingkan perpaduan dalam parti dan negara," katanya.